

'Saya dalang guling Tun M demi UMNO'

Ahmad Zahid
perjelas tindakan
luar biasa perlu
dilakukan elak
parti diharamkan

Oleh TN Alagesh
bhnews@bh.com.my

Lipis: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi secara terbuka mengakui beliau adalah dalang utama yang terbabit menggulingkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dalam usaha menyelamatkan UMNO daripada diharamkan.

Presiden UMNO yang juga Timbalan Perdana Menteri menegaskan, tindakan luar biasa itu terpaksa dilakukan bagi menjatuhkan Dr Mahathir yang didakwa ketika itu mahu membatalkan pendaftaran UMNO.

"Maka dalam keadaan itu, di Jelai, di Sungai Koyan di sini, saya mesti menyatakan, mengakui adalah dalang utama yang menjatuhkan Tun Dr Mahathir

ketika itu, demi UMNO mana mungkin diharamkan, dihina dan dilemparkan dengan pelbagai tuduhan, dilabel sebagai perompak atau rasuah.

"Apabila saya tahu UMNO mahu diharamkan... ini telah disahkan oleh Datuk Seri Anwar (Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) di Ilmu (Institut Latihan Memperkasakan UMNO).

"Anwar beritahu kami bahawa kertas untuk mengharamkan UMNO sudah ada di atas meja Menteri Dalam Negeri ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri (kali kedua)... Muhyiddin (Tan Sri Muhyiddin Yassin) adalah Menteri Dalam Negeri.

"Dalam keadaan sebegini, sudah pasti ahli-ahli khususnya kepimpinan bergantung kepada saya untuk mengenal pasti pendekatan terbaik bagi memastikan UMNO tidak diharamkan, jadi saya terpaksa mencari jalan," katanya.

Ahmad Zahid membuat pendedahan itu ketika berucap merasmikan mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Cameron Highlands, di Laman Sejahtera Jelai di Sungai Koyan, di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Presiden



Ahmad Zahid beramah mesra dengan ahli UMNO yang hadir pada Majlis Perasmian Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Cameron Highlands di Sungai Koyan, Lipis, semalam.
(Foto Luqman Hakim zubir/BH)

UMNO yang juga Pengerusi UMNO Bahagian Cameron Highlands, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, yang juga Menteri Besar Pahang.

Dalam ucapannya, Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu turut memberitahu perwakilan berhubung peringatannya ketika ucapan penangguhan di Perhimpunan Agung UMNO (PAU) pada 2018.

"Kalau anda semua masih ingat, ketika Perhimpunan Agung UMNO 2018, saya menyatakan bahawa dalam masa terdekat kita akan menjadi sebahagian daripada kerajaan tetapi saya diejek beberapa individu tertentu yang tiada dalam UMNO.

"Tadi saya cerita hanya 10 peratus, 90 peratus lagi dalam buku saya, lazimnya tulis buku ialah orang pencen tapi saya belum nak pencen lagi selagi UMNO bukan parti dominan, selagi itu

saya dan rakan-rakan terus dalam UMNO.

"Mudah-mudahan ia jadi panduan kepada pemimpin UMNO akan datang yang akan ambil alih tempat saya nanti," tambahnya lagi.

Halang rancangan Tun M

Pada 25 Jun lalu, Pengerusi DAP, Lim Guan Eng mendedahkan Dr Mahathir terkejut dengan tindakannya menentang rancangan mengharamkan UMNO ketika pemimpin veteran itu menjadi Perdana Menteri buat kali kedua pada 2018.

Guan Eng yang menjadi Menteri Kewangan ketika itu berkata, tindakan berkenaan hanya akan menyebabkan kerajaan Pakatan Harapan (PH) dilihat jauh lebih teruk berbanding pentadbiran UMNO.

Pada 20 Julai 2023, Dr Mahathir menafikan mahu mengharam-

kan UMNO ketika mentadbir negara selepas menang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) dengan mendesak pihak yang mendakwa beliau mahu mengharamkan UMNO tampil dengan bukti

Beliau yang dipetik sebagai berkata: "Saya tak tau sama ada saya kata haram atau tidak. Tapi (saya) ingat suruh Zahid mem-bubarkan UMNO".

Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri pada Februari 2020, yang menyebabkan kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan (PH) dalam apa yang dikenali sebagai Langkah Sheraton.

Ini membawa kepada pembentukan kerajaan baharu oleh BERSATU, Barisan Nasional (BN), dan satu kumpulan PKR yang dipimpin oleh Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, manakala Muhyiddin mengambil alih sebagai Perdana Menteri.